



# LAPORAN TAHUNAN 2022



*Di Sini Hikmah Bermula*

**Perpustakaan  
Tunku Tun Aminah**

# **LAPORAN TAHUNAN 2022**

## **PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH**

- 1. LAPORAN DAN ULASAN PENCAPAIAN OLEH KETUA PUSTAKAWAN**
- 2. KEJAYAAN, PENCAPAIAN DAN PENGIKTIRAFAN**
- 3. ‘WOW FACTOR’**
- 4. MASALAH YANG DIHADAPI DAN MEMERLUKAN PERHATIAN JEMAAH MENTERI**
- 5. SUMBANGAN SOSIAL ORGANISASI SEMASA / POST COVID-19**
- 6. PERKEMBANGAN PTTA**
  - a. Inisiatif PTTA dalam menyokong Pelan Strategik UTHM**
    - i. Inisiatif PTTA ke arah menyokong GTU2030**
      1. Langganan Koleksi berkaitan GTU
      2. Keahlian Luar
    - ii. Inisiatif PTTA dalam menyokong pendigitalan institusi**
      1. Koleksi Repotori Institusi (In-house database)
      2. Profil Kepakaran UTHM (U-EMAS)
      3. Showcase
      4. Makerspace
  - b. Koleksi Bahan Rujukan: Perbandingan Kumulatif Koleksi Bercetak, Bukan Bercetak, Digital Dan Dalam Talian**
  - c. Keahlian Terkini PTTA**
  - d. Perkhidmatan Rujukan Dalam Talian (Melalui Aplikasi Whatsapp Rasmi PTTA)**
- 7. PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**
- 8. LAWATAN PIHAK LUAR**
- 9. AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN**
- 10. STATISTIK PENAMBAHAN OBJEK DIGITAL KE REPOSITORY INSTITUSI PERPUSTAKAAN PADA 31 DISEMBER 2022**

# **LAPORAN DAN ULASAN PENCAPAIAN OLEH KETUA PUSTAKAWAN**

Dengan nama Allah yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Segala puji-pujian itu hanyalah selayaknya bagi Allah, Tuhan Semesta Alam, dan selawat serta salam ke atas junjungan mulia Nabi Muhammad S.A.W.

Syukur ke hadrat Ilahi, atas limpah kurniaNya, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) UTHM pada tahun 2022 bergerak seiring dengan universiti menghampiri ulang tahun penubuhannya yang ke-30 tahun. Kompleks perpustakaan yang tersergam sebagai bangunan ikonik di universiti ini kekal menjadi lokasi utama pertemuan para cendekiawan. Kerana itulah, PTTA berhasrat untuk terus menyumbang kepada universiti dan warganya serta masyarakat setempat khususnya dalam memartabatkan ilmu dan maklumat.

Cabarani tahun 2022 dimulakan dengan persediaan rapi PTTA bagi menerima kemasukan pelajar yang kembali semula ke kampus secara fizikal setelah hampir 3 tahun diuji dengan pandemik COVID-19. Pengalaman menangani keperluan berkaitan perkhidmatan maklumat berdasarkan pendigitalan banyak membantu pihak pengurusan merancang inisiatif-inisiatif baharu. Antaranya termasuk pelaksanaan e-buku dalam pengajaran dan pembelajaran di semua fakulti. Projek perintis yang dimulakan bersama penerbit e-buku terpilih adalah antara sumbangan perpustakaan kepada UTHM bagi memenuhi hasrat pendigitalan institusi dan seterusnya digital TVET pada 2025.

PTTA terus optimis melangkah dengan memperkasakan hubungan kerjasama dengan rakan penyelidik, industri dan agensi kerajaan. Keterlihatan perpustakaan dalam kalangan masyarakat juga ditingkatkan. Lebih-lebih lagi kejayaan penganjuran program-program berimpak seperti pelancaran Galeri Warisan Johor, Galeri Gambus Johor dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn hasil jalinan kolaborasi strategik PTTA bersama agensi kerajaan yang lain dan juga industri. PTTA juga berperanan sebagai *showcase* UTHM dengan kewujudan ruang Makerspace, pameran teknologi Dron, pameran inovasi dan pengkomersialan serta Makmal “Artificial Intelligence”.

Harapan saya agar PTTA akan terus berperanan dan menyumbang kepada seluruh warga universiti dan masyarakat. Jalinan kolaborasi yang dilaksanakan bersama industri diharapkan juga akan membantu usaha UTHM mengukuhkan jenama di peringkat global supaya hasilnya dapat dinikmati bersama.

**KETUA PUSTAKAWAN  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH  
UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA**

# KEJAYAAN, PENCAPAIAN DAN PENGIFTIRAFAN

## 1. PTTA MEWAKILI UTHM DALAM PERTANDINGAN KIK PERINGKAT UNIVERSITI AWAM

UTHM terpilih sebagai tuan rumah bagi Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) peringkat Universiti Awam (UA) kali ke-16 yang berlangsung pada 20 September 2022. Konvensyen ini telah disertai oleh 48 kumpulan dari UA, iaitu 28 kumpulan bersaing bagi kategori Pengurusan manakala 20 kumpulan lagi mewakili kategori Teknikal. Perpustakaan Tunku Tun Aminah telah mewakili UTHM dalam kategori Pengurusan melalui kumpulan CAMPIN. Kumpulan ini diketuai oleh Pn. Siti Raudhah Binti Ruslan, dengan fasilitatornya adalah En. Muhamad Azrul Hisam Bin Salleh yang merupakan Pustakawan Kanan. Tajuk projek yang dipilih adalah “Pengungsian Bangunan Yang Tidak Efisien”. Dalam konvensyen tersebut, Kumpulan CAMPIN telah berjaya menerima Anugerah Emas.



Foto: Sijil penghargaan (Anugerah Emas) yang diterima oleh Kumpulan CAMPIN



**Foto:** Kumpulan CAMPIN bergambar bersama Ketua Pustakawan selepas selesai majlis penyampaian hadiah

## **2. PENYERTAAN PTTA DALAM PERTANDINGAN SDG PERPUSTAKAAN AKADEMIK**

Sustainable Development Goals (SDG) atau Matlamat Pembangunan Mampan menggariskan 17 matlamat global yang telah dikemukakan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada tahun 2015 untuk dicapai oleh semua negara menjelang tahun 2030. SDG meliputi isu pembangunan sosial dan ekonomi termasuk kemiskinan, kelaparan, kesihatan, pendidikan, pemanasan global, kesetaraan gender, air, sanitasi, tenaga, urbanisasi, alam sekitar dan keadilan sosial demi memastikan pembangunan dan kemaslahatan manusia dan bumi.

Pertandingan Sustainable Development Goals (SDG) Perpustakaan Akademik 2022 merupakan anjuran Jawatankuasa Tetap Perpustakaan Akademik Sesi 2020 / 2022, Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM) dengan kerjasama Perpustakaan Tuanku Bainun, Universiti Pendidikan Sultan Idris. Pertandingan ini bertujuan untuk menggalakkan warga perpustakaan akademik khususnya pustakawan menerapkan nilai kelestarian dalam kepustakawanan.

Pertandingan ini telah berlangsung dari 1 Mac hingga 15 April 2022 dan terbuka kepada semua perpustakaan akademik universiti seluruh Malaysia. Penyertaan adalah berdasarkan projek, aktiviti, program atau inisiatif yang dilaksanakan oleh perpustakaan masing-masing sepanjang tahun 2020 hingga Februari 2022 yang memenuhi minimum 3 matlamat SDG.

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah menghantar 2 penyertaan, iaitu projek Program Kecemerlangan Kepimpinan Ketua Pustakawan dan Timbalan Ketua Pustakawan Institusi Pengajian Tinggi (ExceLib) dan Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER).

Program ExceLib merupakan kerjasama strategik di antara Akademi Kepimpinan Pendidikan Tinggi (AKEPT), Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKKPUA) dan PTTA. Pelaksanaan program ini adalah berdasarkan kepada SDG 4, SDG 16 dan SDG 17 bagi meningkatkan kompetensi pengurusan tertinggi perpustakaan bagi menyediakan perkhidmatan dan fasiliti yang memenuhi keperluan warga kampus dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan bagi mendepani cabaran dunia *VUCA* (Volatility, Uncertainty, Complexity and Ambiguity).

Manakala Projek RICHER pula menyokong kepada SDG 4, SDG 11 dan SDG 17 bagi memperkuatkannya peranan PTTA sebagai *Guardian of Knowledge* kepada universiti yang bertujuan untuk penjenamaan semula aktiviti penyelidikan dan inovasi mengenai kebudayaan dan warisan Johor.

Berdasarkan penilaian juri yang diketuai oleh Dr. Nor Hisham bin Ismail, Ketua Penolong Pengarah Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, Projek RICHER telah terpilih sebagai 10 penyertaan terbaik untuk ke peringkat akhir pertandingan. Penyertaan kali pertama PTTA ini telah berjaya memenangi hadiah saguhati bagi kedua-dua projek tersebut.

Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan SDG Perpustakaan Akademik 2022 telah disempurnakan secara maya oleh Presiden PPM, Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil bertempat di PTTA sempena lawatan muhibah beliau di perpustakaan ini pada 7 Jun 2022.



**Foto:** Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil, Presiden PPM, ditemani oleh Pn. Zaharah binti Abd Samad, Ketua Pustakawan sedang membuat pengumuman pemenang pertandingan.



**Foto:** PTTA berjaya membawa pulang 2 hadiah saguhati berupa wang tunai berjumlah RM400.00.

### **3. PTTA MENANG PERTANDINGAN ANJURAN PEJABAT KAMPUS LESTARI UTHM**

PTTA telah menyertai 2 pertandingan anjuran Pejabat Kampus Lestari (SCO) UTHM pada tahun 2022, iaitu Pertandingan Sudut Tenaga@PTj dan Pertandingan My Green Office. Dalam Pertandingan Sudut Tenaga @PTj, PTTA telah dinobatkan sebagai

Johan. Program ini dianjurkan sejajar dengan keperluan penarafan Energy Management Gold Standard (EMGS) 2 Star selain bagi memupuk kesedaran warga kampus terhadap penggunaan tenaga.

Manakala dalam Pertandingan My Green Office, video yang dihasilkan oleh staf PTTA telah dipilih sebagai pemenang tempat kedua. Video tersebut boleh dilihat melalui pautan: <https://www.youtube.com/watch?v=Vkg0-9gwS6A>



Foto: Wakil PTTA menerima hadiah pertandingan daripada YBhg. Naib Canselor dengan disaksikan oleh Pengarah Pejabat Kampus Lestari UTHM.



Global Technopreneur  
University 2030



Pengaruh  
TUNKU TUN AMINAH  
<https://ptta.uthm.edu.my/>



**Foto:** Wakil PTTA menerima hadiah pertandingan daripada Pengarah Pejabat Kampus Lestari UTHM

#### **4. PTTA BERPERANAN SEBAGAI SEKRETARIAT KEPADA FUNGSI UTHM PRIHATIN**

Bagi memastikan hala tuju GTU2030 dapat dicapai, penyusunan semula struktur organisasi Universiti telah dilaksanakan. Struktur ini merupakan rujukan di dalam penentuan kebertanggungjawaban pusat-pusat tanggungjawab yang diletakkan terus di bawah Jawatankuasa Eksekutif Universiti. Penetapan fungsi keseluruhan Universiti ini dibuat bagi memastikan peranan pusat-pusat tanggungjawab diperkasakan dan tidak terhad kepada fungsi asal di bawah struktur sedia ada.

Mulai tahun 2022, UTHM Prihatin telah diberi tanggungjawab kepada Ketua Pustakawan untuk mengetuai serta menyelaras dan memantau aktiviti termasuk pengurusan dana sumbangan melalui Yayasan UTHM. Sehubungan itu, PTTA terlibat secara langsung berperanan menyokong fungsi ini dan berperanan sebagai sekretariat kepada jawatankuasa UTHM Prihatin.

Di antara fungsi UTHM Prihatin ialah berperanan untuk memastikan kebajikan pelajar diberikan perhatian terutama bagi melatih pelajar secara bersasar supaya mampu

berdikari melalui perwujudan peluang pekerjaan di dalam kampus. Pelajar juga akan terlibat dalam aktiviti kesukarelawanan bagi membentuk peribadi murni serta jati diri yang kuat menerusi aktiviti tanggungjawab sosial dengan komuniti dan alam.

Selain itu, UTHM Prihatin juga melibatkan fungsinya dalam kemasyarakatan dan kebajikan yang bertindak membangunkan, menjalankan, menambahbaik dan menyokong pelaksanaan aktiviti berkaitan tanggungjawab sosial korporat dalam memastikan UTHM berperanan bukan sahaja sebagai sebuah Institusi Pengajian Tinggi (IPT) malah turut memberikan impak dalam tanggungjawab sosial masyarakat setempat.

Di antara strategi pelaksanaan bagi aktiviti UTHM Prihatin adalah menumpukan usaha universiti bagi membantu pelajar B40 bagi memberikan pengalaman pembelajaran di dalam kampus yang setara dengan golongan pelajar lain. Ekosistem UTHM Prihatin akan memastikan wujud sistem sokongan yang baik dalam memenuhi keperluan pelajar-pelajar berkenaan. UTHM Prihatin juga melaksanakan tanggung jawab sosial yang berkaitan dengan pemuliharaan alam sekitar secara kolaborasi bersama Pejabat Kelestarian Kampus.



**Foto:** Bengkel Strategik UTHM Prihatin yang turut dihadiri oleh YB Dato' Dr. Hj. Nooh bin Gadot dan semua Ahli Jawatankuasa

## “WOW FACTOR”

## **KOLABORASI PROGRAM BERSAMA AGENSI KERAJAAN YANG LAIN: ARKIB NEGARA MALAYSIA DAN JABATAN MUZIUM MALAYSIA**

Bagi merealisasikan matlamat untuk memastikan kecemerlangan penyelidikan dan inovasi universiti, Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah dipilih untuk mengetuai Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER). Projek RICHER ini merupakan idea daripada YBhg. Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar, mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk penjenamaan semula aktiviti penyelidikan dan inovasi mengenai kebudayaan dan warisan Johor. Di samping mempromosikan kebudayaan dan warisan Johor, penglibatan PTTA dalam Projek RICHER akan memperkuuhkan peranan perpustakaan sebagai *Guardian of Knowledge* kepada universiti.

Antara inisiatif di bawah projek ini adalah pembangunan portal bahan digital berpusat, mengandungi bahan-bahan yang berkaitan dengan kebudayaan dan warisan Johor dalam format gambar, video, keratan akhbar dan lain-lainnya. Selain itu, ia juga bertujuan mendigitalkan kandungan terpilih bahan pameran RICHER menggunakan teknologi animasi seperti Realiti Maya (*Virtual Reality - VR*), Realiti Terimbuh (*Augmented Reality - AR*), *Mixed Reality (MR)* dan Penerokaan Maya (*Virtual Tour*). Justeru, Portal RICHER (<https://richer.uthm.edu.my>) iaitu Laman Web Peta Johor telah dibangunkan. Sehingga kini, bahan-bahan yang berkaitan dengan Sejarah Pertempuran di Parit Sulong, Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan, Gambus: Sejarah, Instrumentasi dan Gaya Permainan di Johor, Tarian Zapin, Sejarah dan Warisan Batu Pahat dan lain-lain telah didigitalkan dan dimuat naik di dalam Portal RICHER. Aplikasi AR-Galeri PTTA yang memfokus kepada kandungan digital yang berkisar tentang keunikan kesenian muzik ghazal yang berasal dari daerah Batu Pahat juga telah dibangunkan.

Selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals - SDG), khususnya matlamat yang ke-17, kerjasama yang sangat strategik dapat dijalankan melalui Projek RICHER. Pelbagai kolaborasi di peringkat dalaman (universiti) atau bersama pihak luar iaitu institusi pendidikan, agensi dan organisasi sama ada sektor awam dan swasta, badan NGO, tokoh sejarah, ahli politik, orang perseorangan, komuniti setempat dan seluruh masyarakat pelbagai peringkat terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menyokong kelancaran pembangunan projek ini. Antara aktiviti kolaborasi yang telah dijalankan termasuklah mesyuarat

*taskforce*, sesi lawatan tapak, lawatan kerja, lawatan tetamu, permohonan geran penyelidikan dan sebagainya. Antara organisasi atau individu terlibat dalam aktiviti kolaborasi ini ialah Rikkyo Universiti, Jabatan Muzium Malaysia, Yayasan Warisan Johor, Galeri Parit Sulong, Persatuan Sejarah Batu Pahat, kumpulan penyelidik UTHM, saksi hidup atau bekas pekerja lombong bijih besi di Sri Medan iaitu Tn. Hj. Kamaluddin bin Abdullah dan lain-lain lagi.

Acara kemuncak bagi projek ini ialah pelaksanaan Majlis Perasmian Projek RICHER dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn yang telah berlangsung pada 24 Ogos 2022 dengan kerjasama Arkib Negara Malaysia. Majlis ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor. Majlis turut diserikan dengan Perasmian Galeri Warisan Johor yang menempatkan Pameran Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan dan Sejarah Pertempuran di Parit Sulong. Selain itu, Pameran Gambus @PTTA juga turut diadakan.



**Foto:** YBhg. Profesor Dr. Mohd Shahir Shamsir bin Omar, mantan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) bersama Pn. Zaharah binti Abd Samad, Ketua Pustakawan dan para penyelidik semasa lawatan tapak di Parit Sulong.



**Foto:** YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor merasmikan Projek RICHER.



# **MASALAH YANG DIHADAPI DAN MEMERLUKAN PERHATIAN JEMAAH MENTERI**

## **1. KELESTARIAN KEWANGAN DALAM MENYELENGGARA BANGUNAN**

Bangunan Perpustakaan Tunku Tun Aminah merupakan sebuah bangunan yang unik. Sebagai sebuah binaan berbentuk bulat dan berdinding kaca, bangunan ini menjadi tumpuan utama bagi penganjuran aktiviti dan kunjungan pelawat universiti.

Walau bagaimanapun, bangunan kaca menghadapi ancaman risiko kerosakan yang tinggi kesan daripada usia bangunan dan faktor cuaca. Ini menjadikan bangunan ini memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi dan berterusan bagi memastikan kelestarian dari sudut kesihatan, keselamatan dan keselesaan.

Bangunan ini antara yang terkesan semasa kejadian ribut yang melanda kampus pada 30 November 2022 yang lepas.




**Foto:** Antara kerosakan semasa kejadian ribut pada 30 Nov 2022

## 2. KEPAKARAN DAN TEKNOLOGI BERKAITAN KESELAMATAN DATA

Selaras dengan revolusi 4.0 dan perkembangan drastik dalam teknologi ICT, PTTA berusaha keras untuk mengukuhkan koleksi penulisan ilmiah universiti melalui pendigitalan dan penyimpanan maya. Antara koleksi tersebut termasuk tesis dan Projek Sarjana Muda pelajar UTHM yang diterima dalam bentuk bercetak sejak awal penubuhan universiti ini telah didigitalkan dan disimpan di dalam server bagi memudahkan capaian maklumat. Semasa Seksyen Pembangunan Repozitori Institusi sedang rancak menjalankan aktiviti – aktiviti harian namun tidak diduga telah berlaku masalah yang sangat serius di lokasi perkakasan (hardware) di server Pusat Teknologi Maklumat. Merujuk kepada maklumat dari pihak PTM berlaku kerosakan perkakasan yang melibatkan kerosakan fail seperti di Pejabat Bendahari, Pejabat Pendaftar, dan sebahagian PTJ. Keseluruhan fail dan data yang berjumlah 11,264 bahan Institusi Repozitori terlibat rosak dan tidak boleh diakses. Atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab, pihak PTM telah menyediakan laman web UTHM Repozitori yang baharu. Bermula Mei 2021, PTTA memulakan proses muat naik semula rekod ke dalam platform UTHM Repozitori yang baharu. Sehingga kini 7,599 bahan telah dimuat naik secara berperingkat dan berterusan. Walau bagaimanapun, untuk menjamin keselamatan data dan keupayaan teknologi dalam tempoh jangka panjang, kos yang tinggi diperlukan untuk meningkatkan kepakaran dan teknologi supaya dapat disesuaikan dengan sebarang situasi pada masa hadapan yang serba mencabar.

## STATISTIK PENAMBAHAN OBJEK DIGITAL KE REPOSITORY INSTITUSI PERPUSTAKAAN PADA 31 DISEMBER 2022



# **SUMBANGAN SOSIAL ORGANISASI SEMASA POST COVID-19**

## **PROGRAM PEMIMPIN PERINTIS KEJAYAAN (PETIK)**

Perpustakaan Tunku Tun Aminah (PTTA) telah mengorak langkah proaktif dalam program khidmat sosial korporat bersama masyarakat setempat khususnya pelajar sekolah dengan membangunkan Modul Program Pemimpin Perintis Kejayaan (PETIK). Program berteraskan model kemahiran insaniah ini bertujuan memupuk ciri-ciri seorang pemimpin dalam kalangan peserta termasuk kemahiran interpersonal yang berkeupayaan untuk bersosial, berkomunikasi dan bekerja secara berpasukan. Selain mempunyai nilai kepimpinan, bertanggungjawab dan beretika, kemahiran kognitif untuk berfikir dengan lebih kritis dan boleh menyelesaikan masalah juga turut diterapkan. Modul ini dikendalikan sepenuhnya oleh fasilitator yang terdiri daripada staf PTTA.

Program PETIK telah diadakan buat julung-julung kalinya pada 16 Jun 2022 bertempat di Sek. Keb. Kg. Dato' Ibrahim Majid, Simpang Renggam. Ia dilaksanakan sempena Kursus Kepimpinan *Student Leader Board (SLB)* di sekolah berkenaan yang melibatkan 177 murid. Mereka terdiri daripada pemimpin kecil sekolah iaitu Pengawas, Pengawas Pusat Sumber, Pembimbing Rakan Sebaya, Ketua Kelas, Penolong Ketua Kelas dan sebagainya.

Sejak penganjuran sulungnya, Program PETIK mendapat perhatian dan sambutan yang amat memberangsangkan daripada pihak sekolah di sekitar UTHM. Pada 28 September 2022, Program PETIK Siri Kedua telah dilaksanakan di Sek. Keb. Parit Bingan, Batu Pahat dengan kerjasama sekolah tersebut dan Yayasan UTHM, melibatkan 66 orang murid tahap dua.

Pelaksanaan program ini menjadi salah satu daripada wadah PTTA dalam menyokong aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi melalui pendekatan University for Society@Keluarga Malaysia (UniTY) dan University for Society (U4S).



Foto: Sebahagian fasilitator dan sukarelawan Program PETIK.



Foto: Para peserta khusyuk mendengar nasihat, panduan dan kata-kata semangat yang disampaikan oleh Ketua Fasilitator.

# **PERKEMBANGAN PTTA**

## **1. INISIATIF PTTA DALAM MENYOKONG PELAN STRATEGIK UTHM**

Seiring dengan perubahan hala tuju UTHM pada 2022, PTTA telah melaksanakan inisiatif yang bersesuaian bagi menyokong GTU2030 dan pendigitalan institusi seperti keterangan di bawah:

### **a. Inisiatif PTTA ke arah menyokong GTU2030**

#### **i. Langganan Koleksi Dalam Talian Berkaitan GTU**

PTTA meneruskan langganan pangkalan data dalam talian seperti Emerald Management, ScienceDirect, Proquest ebook dan Access Engineering. Pangkalan data ini mengandungi sumber rujukan terkini dalam multi disiplin, antaranya bidang pengurusan, perniagaan dan kewangan, serta aplikasi teknologi yang berkaitan.

#### **ii. Keahlian Luar**

PTTA menawarkan perkhidmatan keahlian luar kepada masyarakat dan pemain industri. Sehingga tahun 2022 terdapat 54 keahlian luar yang berdaftar dengan Perpustakaan Tunku Tun Aminah. Antaranya ialah Kolej Vokasional Batu Pahat dan Hafiz Zubir & Co. Perkhidmatan ini secara tidak langsung dapat memberi peluang kepada pengguna luar menggunakan kemudahan yang ada di perpustakaan dengan kadar bayaran yang minimum. Ahli berdaftar layak mendapatkan perkhidmatan rujukan dan pinjaman, *document delivery*, kemudahan ruang, WIFI dan akses bahan elektronik. Sebagai contoh, perpustakaan telah memberikan perkhidmatan *document delivery* kepada Hafiz Zubir & Co. bagi membantu menyelesaikan satu kes di mahkamah. Tempoh keahlian adalah setahun dan boleh diperbaharui.

**b. Inisiatif PTTA dalam Pendigitalan Institusi**

**i. Koleksi Repotori Institusi (in-house database)**

Pendigitalan koleksi penulisan harta ilmiah universiti telah dilaksanakan oleh PTTA secara berperingkat sejak kira-kira 10 tahun yang lepas bermula dengan teknik pengimbasan dan penyimpanan di platform ePrints. Sejak itu, berlaku evolusi dalam pemilihan platform dan jenis bahan untuk dimuat naik mengikut keperluan semasa.

- a) **Eprints** - merupakan perisian *opensource* yang dibangunkan oleh University of Southampton semenjak tahun 2000 bagi menyokong pembangunan *open access repository*, selain untuk mengurus bahan digital terbitan institusi. Oleh itu, Eprints sesuai untuk digunakan sebagai platform arkib atas talian yang menyimpan bahan-bahan terbitan dan harta intelek sesebuah institusi. Di UTHM, repositori institusi (IR) telah membantu mentransformasikan Perpustakaan menjadi sebuah perpustakaan digital apabila bahan dapat dicapai dengan cepat melalui jaringan komputer pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja selari dengan perkembangan teknologi yang bergerak pantas pada masa kini. Bahan yang telah didigitalkan seperti artikel daripada majalah akademik, buku, tesis, kertas peperiksaan, laporan penyelidikan, gambar dan sebagainya boleh diakses pada bila-bila masa dan menjadi sumber rujukan pembelajaran dan penyelidikan di Universiti
- b) **Dspace** - Mulai tahun 2018, PTTA telah mempelbagaikan open sources software yang sedia ada dengan membangunkan Dspace. Bahan seperti tesis (undergraduate), dokumen kontrak, laporan penyelidikan dan lukisan teknik telah di simpan di PTTA Digital Archive, manakala bahan seperti soalan peperiksaan, keratan akhbar serta laporan tahunan disimpan di PTTA Digital Collection. Sehingga kini PTTA Digital Archive mempunyai 9,143 bahan dan PTTA Digital Collection mempunyai 14,947.

## ii. Portal Profil Kepakaran UTHM: UTHM Expert Management System (U-EMAS)

Portal UTHM Expert Management System telah dibangunkan oleh Pusat Teknologi Maklumat dengan kerjasama Perpustakaan Tunku Tun Aminah bagi menonjolkan kepakaran dan visibiliti penyelidik UTHM dalam usaha menarik minat penyelidik luar untuk menjalankan kerjasama pintar. Dengan paparan maklumat yang lebih interaktif dan bersepada, maklumat aktiviti penyelidikan di UTHM dapat dicapai secara menyeluruh. Portal U-EMAS ini diintegrasikan dengan sistem-sistem dalaman UTHM antaranya Sistem Maklumat Penerbitan Universiti (SMPU), Sistem Maklumat Staf (SMStaf), Organizational Research Knowledge Experts Dashboard (ORKED) dan Scopus.com. Pembangunan portal telah sedia untuk digunakan dan boleh dilayari melalui pautan: [myexpertfinder.uthm.edu.my](http://myexpertfinder.uthm.edu.my)



Foto: Paparan antara muka UTHM Expert Management System

## iii. Showcase@UTHM: PTTA Sebagai Pusat Sehenti Pameran Bidang-bidang Tujahan UTHM

Inisiatif Showcase@UTHM bermatlamat memperkasakan PTTA sebagai Knowledge Guardian di UTHM serta meningkatkan visibiliti UTHM di kaca mata pihak luar terutamanya pelawat yang berada di PTTA dengan memudahkan sesi pengenalan dan penerangan mengenai bidang fokus UTHM. Antara showcase yang telah diwujudkan dan sedia dilawati adalah teknologi Dron dan Makerspace.

#### **iv. MakerSpace@UTHM**

MakerSpace@UTHM merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Showcase@UTHM yang diuruskan oleh PTTA. Ia telah bermula sejak 2019 daripada Geran Kontrak UTHM untuk mewujudkan pusat inovasi komuniti berfokuskan kepada murid dan guru sekolah dengan menyediakan kemudahan dan peralatan teknologi serta program pemindahan ilmu terutamanya berkaitan robotik. Inkubator teknologi yang bertujuan untuk merapatkan jurang teknologi antara sekolah luar bandar, terutamanya yang berhampiran UTHM ini ditempatkan di Aras 3, PTTA. Ia dijalankan dengan kerjasama kumpulan penyelidik MakerSpace@UTHM.



**Foto:** Dari kiri: Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor bersama Pengurus Lembaga Pengarah UTHM, Ahli Dewan Undangan Negeri Parit Raja dan Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia semasa sesi lawatan ke MakerSpace@UTHM sempena Majlis Perasmian Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER) dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn pada 24 Ogos 2022.



**Foto:** MakerSpace@UTHM bertempat di Aras 3, PTTA

## 2. KOLEKSI BAHAN RUJUKAN:

Jenis Koleksi		Jumlah Kumulatif
1. Bercetak	Buku Tesis Serial Piawai	255,436
2. Bukan Bercetak	CD-ROM	36,347
3. Digital (in-house database)	Projek Sarjana Muda Tesis & Disertasi Memori Korporat Bahan Arkib	14,726
4. Dalam Talian	Buku elektronik Jurnal elektronik Piawai Kertas Persidangan Tesis elektronik	3,383,042

## 3. KEAHLIAN TERKINI PERPUSTAKAAN

Keahlian Terkini PTTA 2022	
Pelajar	19,092
Staf Akademik	1,146
Staf Pentadbiran	1,416
Ahli Luar (Individu/Institusi)	54
<b>JUMLAH</b>	<b>21,708</b>

**4. PERKHIDMATAN RUJUKAN DALAM TALIAN (MELALUI APLIKASI WHATSAPP RASMI PTTA)**

BULAN	BILANGAN PERTANYAAN
Januari	52
Februari	25
Mac	29
April	14
Mei	39
Jun	33
Julai	30
Ogos	22
September	13
Oktober	19
November	51
Disember	27
JUMLAH	354

# **PROGRAM LATIHAN DAN PEMBANGUNAN**

## **PROGRAM PENDIDIKAN PENGGUNA, LITERASI MAKLUMAT DAN SOKONGAN PENYELIDIKAN**

Unit Pendidikan Pelanggan, Bahagian Perkhidmatan Pelanggan bersama Bahagian Pengurusan Data PTTA bertanggung jawab mengendalikan program pendidikan pengguna, literasi maklumat dan sokongan penyelidikan kepada semua pengguna perpustakaan. Siri kelas bimbingan dan latihan disediakan kepada pelajar, staf akademik dan penyelidik secara berterusan dan mengikut permintaan. Ini bertujuan memudah cara pelajar dalam membuat rujukan sepanjang pengajian di kampus, selain membantu staf akademik dan penyelidik dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P), penyelidikan dan penerbitan. PTTA juga turut mendapat kerjasama yang baik dari Pusat Kepimpinan dan Kompetensi serta Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTHM bagi memastikan kesesuaian pemilihan topik latihan dan peserta. Program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

### **a) Kelas Literasi Maklumat**

<b>JENIS KELAS LITERASI</b>	<b>BILANGAN SESI</b>	<b>BILANGAN PELAJAR</b>
Kelas Literasi Maklumat	75	4,591
Kelas Literasi Maklumat (PSM)	24	1,864
Kelas Literasi Maklumat Pasca Siswazah	20	314
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>119</b>	<b>6,769</b>

### **b) Latihan/Kursus Sokongan Penyelidikan**

<b>JENIS LATIHAN / BENGKEL</b>	<b>BILANGAN SESI</b>	<b>BILANGAN PESERTA</b>
Latihan Pangkalan Data	7	140
Latihan/Kursus Sokongan Penyelidikan	18	728
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>25</b>	<b>868</b>

# LAWATAN PIHAK LUAR

Sepanjang tahun 2022, PTTA banyak menerima lawatan dan kunjungan korporat dalam dan luar negara. Lawatan yang diterima adalah bertujuan meningkatkan kolaborasi antara kedua-dua pihak dalam memperkuatkan fungsi PTTA sebagai sebuah gedung ilmu. Antaranya adalah seperti keterangan di bawah:

1. Lawatan Prof. Dr. Masutani Satoshi sempena Projek RICHER	<p><b>Lawatan mengenai Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor</b></p> 
2. Lawatan Presiden Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)	<p><b>Lawatan Muhibah Presiden PPM baharu Dr. Ghazali bin Mohamed Fadzil dan Majlis Pengumuman Pemenang Pertandingan SDG bertempat di PTTA</b></p> 

3. Lawatan Kerja Kelompok Kerja Kepala Madrasah Aliyah (K3MA) Kota Batam, Indonesia

**Kunjungan silaturahim untuk melihat peluang kolaborasi di antara Madrasah Aliyah Kota Batam, Indonesia dan PTTA**



4. Lawatan dari National Institute of Technology (KOSEN), Kure College Japan yang berminat melihat Projek RICHER di PTTA



5. Lawatan Penandaarasan PTAR ke PTTA	<p><b>PTTA berbesar hati menerima lawatan penandaarasan dari Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), UiTM dan bertukar-tukar pandangan berkaitan perpustakaan masing-masing</b></p> 
6. Lawatan Antarabangsa Delegasi Hellbronn University of Applied Sciences German	<p><b>Lawatan daripada Vice President International Affairs &amp; Diversity serta delegasi University of Applied Sciences German sempena jalinan kerjasama bersama UTHM</b></p> 

7.Lawatan Akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

**Lawatan akreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi program Sarjana dan Doktor Falsafah, Pusat Pengajian Umum dan Kurikulum**



8.Lawatan Akreditasi oleh Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC)

**Lawatan Akreditasi oleh Majlis Akreditasi Teknologi Kejuruteraan (ETAC) bagi program Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Aeronautik (Penyenggaraan Pesawat Terbang), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan**



9.Lawatan Korporat  
Delegasi Universiti  
Islam Negeri Sunan  
Kalijaga Yogjakarta

**Lawatan korporat yang bertujuan untuk menjalinkan hubungan erat bersama PTTA**



## **AKTIVITI PROMOSI DAN PAMERAN**

### **1.AKTIVITI PROMOSI**

#### **a) Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit Peringkat UTHM**

Program Jom Baca Bersama untuk 10 Minit merupakan program tahunan yang disambut serentak di seluruh negara pada setiap tahun. Dengan bertemakan “Bangkit, Baca dan Bersyukur”, PTTA telah melaksanakan program ini pada 25 April 2022 ( Isnin), dengan menggunakan platform Google Meet dan lintas langsung diadakan di Tan Sri Johan Jaaffar Reading Corner, Aras 3, Perpustakaan Tunku Tun Aminah, UTHM.



### b) Program Pemerkasaan Budaya Ilmu UTHM

Program ini telah dilangsungkan pada 31 Oktober 2022 sehingga 30 November 2022.

Objektif pengajarnya adalah:

- I. Meningkatkan pengetahuan dan intelektual dalam kalangan warga universiti.
- II. Kesedaran tentang kepentingan membaca dan mempergiat aktiviti membaca dalam kalangan warga universiti.
- III. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan sudut bacaan yang menarik untuk aktiviti galakan budaya ilmu dalam kalangan warga universiti.
- IV. Menjadikan Perpustakaan Tunku Tun Aminah sebagai pusat rujukan maklumat universiti.
- V. Menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat dan cintakan ilmu.

Butiran program dan aktiviti sepanjang sambutan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Tarikh	Nama Program	Poster/ Foto
1.	31 Oktober 2022	Perasmian Program Pemerkasaan Budaya Ilmu UTHM	
2.	31 Oktober 2022	Pelancaran Pertandingan Reading Corner@Fakulti/Pusat	
3.	3 November 2022	Let's Explore PTTA e-Resources: Emerald Insight	
4.	8 November 2022	Let's Explore PTTA e-Resources: Springer Nature	

5.	9 - 28 November 2022	Pertandingan Teka Jumlah Buku	
6.	14 November 2022	Let's Explore PTTA e-Resources: Turnitin	
7.	15 November 2022	<p>Sandwich Day@PTTA</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Bicara Kesihatan</li> <li>ii. Demonstrasi Penyediaan Sandwich</li> <li>iii. Pertandingan DIY Sandwich</li> <li>v. Edaran Sandwich Percuma</li> </ul>	



8.	17 November 2022	Moving Research Forward with ScienceDirect Webinar Training: E-books & Journals	<p><b>Moving Research Forward with ScienceDirect Webinar Training</b></p> <p>17 November 2022, Thursday , 10.00 am - 12.00 pm</p> <p><b>REGISTRATION</b> <a href="https://tinyurl.com/28k7qjpk">https://tinyurl.com/28k7qjpk</a></p> <p><b>Topics</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Browse journals and eBooks content on ScienceDirect</li> <li>Literature search tips and skills</li> <li>Using personalized features to stay up to date on the interested area and viewing history</li> <li>Activating and Using Remote Access to ScienceDirect</li> </ul> <p><b>Meeting via: Zoom</b></p> <p>Visit our Website - <a href="http://elsevier.com">elsevier.com</a></p>
9.	24 November 2022	K-Novel E-Books Webinar Training	<p><b>Morning with Knovel®</b> E-books webinar training</p> <p>Come spend the morning with us and gain better understanding of how engineering tools can support your engineering research and education projects, as well as pick up new skills and tools in Knovel.</p> <p><b>OUTLINES:</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>What is Knovel?</li> <li>Who uses Knovel?</li> <li>How can Knovel help you in your engineering research project?</li> <li>How to leverage on the interactive tools (Graphs/Tables/Equations)</li> </ul> <p><b>SPEAKER BIO:</b></p> <p>Mr. Lionel New Regional Lead of Engineering Solutions, Elsevier</p> <p>Lionel is the Regional Lead of Engineering Solutions, Asia-Pacific region with Elsevier and specializing in the Engineering Solutions product. Prior to his current role, he was in-charge of the Elsevier Young Scientist Award, Publishing &amp; Ethic Workshop, Library Connect Event, with a strong focus on Elsevier Science &amp; Technology solutions. In his role, Lionel works closely with Elsevier's clients in academic and enterprises and assists engineering researchers and professionals to be more successful in their work by leveraging Elsevier's innovative solutions.</p>
10.	28 November 2022	Penjurian Reading Corner@Fakulti/Pusat	

11.	29 November 2022	<p>Library Fun Day</p> 
12.	29 November 2022	<p>Book Talk@PTTA Bersama Selebriti Hawa Rizwana Ahmad Redzuan</p>  
13.	29 November 2022	<p>Majlis Penutupan Program Pemerkasaan Budaya Ilmu UTHM</p> 

14.	30 November 2022	Nescafe Truck - Minuman Percuma	
-----	------------------	---------------------------------	--

## 2. PAMERAN

### (a) Pameran Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan dan Sejarah Pertempuran di Parit Sulong

Pameran ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER). Ia telah berlangsung bermula 24 Ogos 2022 bersempena Majlis Perasmian Projek RICHER dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn. Warga kampus dan komuniti setempat khususnya ahli sejarah boleh mengunjungi Galeri Warisan Johor yang terletak di Aras 1, PTTA untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah menarik Taman Botani Johor, Sri Medan yang pernah menjadi tempat perlombongan bijih sejak 100 tahun lalu dan episod hitam "Parit Sulong Massacre" semasa Perang Dunia Kedua.



**Foto:** YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor merasmikan Galeri Warisan Johor.



**Foto:** Galeri Warisan Johor yang ketika ini menempatkan Pameran Sejarah Perlombongan Bijih Besi di Sri Medan & Sejarah Pertempuran di Parit Sulong

#### (b) Pameran Gambus@PTTA

Pameran ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER). Ia telah berlangsung bermula 24 Ogos 2022 bersempena Majlis Perasmian Projek RICHER dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn. Para pencinta muzik tradisional boleh mengunjungi Galeri Gambus Johor yang terletak di Aras 2, PTTA untuk mengetahui lebih lanjut mengenai gambus, iaitu alat muzik tradisional yang terkenal di seluruh Malaysia khususnya di Johor yang digunakan dalam persembahan Kumpulan Gambus, Kumpulan Gambus Samrah, Kumpulan Zapin, Ghazal dan Hamdolok.



**Foto:** YB Datuk Haji Samsolbari bin Jamali, Timbalan Speaker DUN Johor melihat demonstrasi pembuatan gitar ketika lawatan ke Galeri Gambus Johor sempena Majlis Perasmian Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER) dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn pada 24 Ogos 2022.




**Foto:** Galeri Gambus Johor yang ketika ini menempatkan Pameran Gambus @PTTA.

### (c) Pameran Canselor dan Pro-Canselor Baharu UTHM

Pameran ini telah dilaksanakan sempena Istiadat Pemasyhuran Canselor, Pro-Canselor dan Majlis Konvokesyen Universiti Tun Hussein Onn Malaysia Ke-22 pada 2 hingga 8 Disember 2022 lalu. Ia telah diadakan di Galeri Sultan Ibrahim, Dewan Sultan Ibrahim, UTHM. Para pelawat boleh mengunjungi galeri ini untuk mendapatkan maklumat mengenai Canselor UTHM baharu iaitu Duli Yang Amat Mulia Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan Pro-Canselor UTHM yang baharu iaitu Yang Amat Mulia Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor serta Yang Berhormat Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor.



**Foto:** Canselor UTHM baharu iaitu DYAM Tunku Ismail Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Mahkota Johor dan Pro-Canselor UTHM iaitu YAM Tunku Idris Iskandar Al-Haj Ibni Sultan Ibrahim, Tunku Temenggong Johor dan YB Tan Sri Dato' Dr. Haji Azmi bin Rohani, Setiausaha Kerajaan Johor serta Naib Canselor UTHM, YBhg. Prof Ir. Ts. Dr. Ruzairi bin Abdul Rahim ketika lawatan di Galeri Sultan Ibrahim.



**Foto:** Galeri Sultan Ibrahim yang ketika ini menempatkan Pameran Canselor dan Pro-Canselor Baharu UTHM.

#### **(d) Pameran Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC)**

Pameran ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Showcase@UTHM yang diuruskan oleh PTTA. Pameran ini telah dijalankan dengan kerjasama Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (ICC), UTHM. Ia mempamerkan produk-produk inovasi seperti *Fuel Gain Kit (FGK)*, *Rapid Modular Prototyping System (RAMPS)*, *Adik-Adik Jawi*, *Spicy Tamarind Cube*, *Dwi Herbal Tea*, *Dr. Brick*, *The Baby Laena Cream* dan *Karela Pudding*. Pameran yang ditempatkan di Aras 2, PTTA ini adalah sebagai satu galakan kepada para pengunjung terutama pelajar untuk terus berkarya dalam dunia penyelidikan.



**Foto:** Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor bersama dengan tetamu-tetuam kehormat utama sedang melihat produk inovasi keluaran UTHM yang dipamerkan sempena Majlis Perasmian Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER) dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn pada 24 Ogos 2022.



**Foto:** Ruang Pameran Pusat Inovasi dan Pengkomersialan (PICC) bertempat di Aras 2, PTTA.

#### **(e) Pameran Projek Interaktif Multimedia FSKTM**

Pameran ini merupakan salah satu daripada aktiviti yang dijalankan di bawah Showcase@UTHM yang diuruskan oleh PTTA. Pameran ini telah dijalankan dengan kerjasama Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat (FSKTM), UTHM. Pameran yang ditempatkan di Aras 2, PTTA ini mempamerkan projek interaktif multimedia terpilih yang telah dihasilkan oleh pelajar FSKTM.



**Foto:** Timbalan Speaker Dewan Undangan Negeri Johor bersama dengan tetamu-tetuam kehormat utama sedang melihat demonstrasi projek interaktif multimedia yang dihasilkan oleh pelajar FSKTM sempena Majlis Perasmian Projek Penyelidikan dan Inovasi Budaya dan Warisan Johor (Research and Innovation in Culture and Heritage of Johor - RICHER) dan Bicara Negarawan Tun Hussein Onn pada 24 Ogos 2022.



**Foto:** Ruang Pameran Projek Interaktif Multimedia FSKTm bertempat di Aras 2, PTTA.

